

18 AUG 2000

Hak-Sokong

PEKERJA KTMB SOKONG PERDANA MENTERI PERTAHAN HAK MELAYU

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan berganjak dan terus mempertahankan hak istimewa orang Melayu terus mendapat sokongan daripada pelbagai pihak.

Kesatuan Pekerja-Pekerja Keretapi Tanah Melayu Berhad (KPPKTMB) dalam satu kenyataan hari ini menyatakan sokongan padu kepada kenyataan Perdana Menteri itu.

"Kami (KPPKTMB) sedar negara Malaysia hari ini merangkumi rakyat berbilang kaum, namun hak-hak istimewa orang Melayu atau Bumiputera tidak perlu diungkit dan wajib dipertahankan," kata presidennya Abdul Razak Md Hassan.

Katanya kesatuan itu tidak dapat menerima pandangan yang menolak hak istimewa orang Melayu dan orang Melayu tidak sanggup membiarkan hak istimewa mereka terhakis dalam negaranya sendiri.

"Mana-mana pihak yang cuba mengungkit-ungkitkan hak istimewa orang Melayu, mereka adalah seperti kacang melupakan kulit," katanya.

Abdul Razak berkata kesatuan itu akan menghantar memorandum mengenai perkara berkenaan kepada Perdana Menteri selain akan membangkitkan isu itu pada mesyuarat Majlis Kongres, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan menggesa MTUC mengadakan sidang kongres tergepar secepat mungkin.

Semalam, Dr Mahathir ketika berucap dihadapan 500 wakil 13 persatuan dan kumpulan yang menyerahkan memorandum supaya hak istimewa orang Melayu dijaga berkata, kerajaan tidak akan berganjak selangkah pun dalam mempertahankan hak orang Melayu.

Beliau berkata hak istimewa itu akan terus dikekalkan kerana kerajaan sedar orang Melayu masih lemah.

Isu mengenai hak istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputera lain mendapat reaksi meluas pelbagai pihak setelah Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) Datuk David Chua mencadangkan supaya hak istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputera lain dihapuskan di bawah penyusunan semula masyarakat.

-- BERNAMA

APG ZS LAT